

Mosul, Iraq.

Peluru berdesing. Serta merta, Shamsul mengelak. Jikalau tersasar lima inci, pasti nyawanya sudah melayang. Namun, biarpun tujuannya menyeberang lautan, gunung dan padang pasir untuk menjerumuskan diri ke dalam kancah peperangan ialah untuk mencari syurga sebagai syuhada, jasadnya bagaikan tidak bersetuju. Apabila terdengar bunyi dentuman bom serangan udara pihak musuh, kakinya bersikeras lari mencari sekelumit harapan untuk terus hidup.

Iya, dia datang untuk berperang mati-matian, tapi juga sedar yang mati tak bisa berperang.

Di bawah lindungan runtuh bangunan yang dahulu menjadi rumah untuk pejuang-pejuang asing yang menjadi tetamu menegakkan bendera hitam di negara Timur Tengah itu, Shamsul bersembunyi. Di sana, jatuh tubuh mengucur darah. Di situ, kepala berceraai dari badan. Nadi bergetar, tangan menggeletar. Mahu juga dia berdoa akan tetapi kalimah doa tersangkut di kerongkongnya. Apakah yang patut dia minta pada Tuhan? Mati atau hidup?

Kekadang, ketika menghadapi hiruk pikuk kezaliman peperangan, mindanya tertanyanya: Akan masukkah kami semua ke syurga? Adakah kami semua ahli Jannah, kami yang mahu mati melawan musuh setelah menyembelih sesiapa yang berbeza pendapat? Pastikah syahid mereka yang berebutkan perempuan tawanan untuk diperbudakkan dan diperkosa? Halalkah pangambilan nyawa orang-orang yang jauh dari medan perang? Persoalan itu semua di tolak tepi apabila timbul pula bisikan bahawa yang dipertahankan adalah agama Tuhan. *Bukan aku yang mulakan, bisik hatinya, semua ini bukan salah aku. Aku berjuang bukan untuk menang. Hura-hara ini semua akibat mereka yang mengingkari-Nya.*

Dentuman-dentuman bom mula senyap. Perlahan-lahan Shamsul berdiri dan menoleh ke-kanan dan ke-kiri. Di sekelilingnya, kepunahan sebuah kota tetapi yang terbayang terang di mata masa Shamsul, seraut wajah yang berhijab sutra malam. Isteri yang ditinggalkan.

Kota Baru, Malaysia

Segenggam bunga Jannah taburkan di atas kuburan ibu mentuanya. Tangan dihulur, doa dibaca. Sudah tiga bulan dia meninggalkan dunia yang fana setelah tiba-tiba jatuh sakit. Sudah diminta nasihat tiga doktor pakar yang berbeza, namun satu pun tidak mampu mentakrif apa masalah kesihatan yang ditimpanya. Jannah sendiri berpendapat bukan penyakit yang melanda ibu mentuanya tetapi duka. Duka menahan rindu anak yang hilang. Suami sudah lama meninggal dunia, kini anak pula meninggalkannya.

Oleh itu Jannah tidak pulang ke tanah airnya Singapura sejak pemergian Shamsul yang mendadak dua tahun sebelumnya. Pada mulanya, memang dia tidak dibenarkan keluar dari negara Malaysia sementara pihak polis menyiasat akar punca dan jaringan radikal yang menarik masuk suaminya. Berkali-kali Jannah dan ahli keluarga lain melaporkan diri ke balai untuk membantu siasatan. Jawapan yang sama diberikan acapkali, hinggakan boleh dihafal.

Tidak, saya tidak tahu rancangan dia sama sekali. Tidak, saya tak kenal kawan-kawan dia. Dia jarang membawa kawan ke rumah. Pergi masjid pun bukan selalu. Biasanya di rumah, dia tergantung di depan komputer.

Mula-mula pihak polis tampaknya sangsi. Lama-kelamaan, sangsi menjadi simpati. Jannah sudah lali dengan wajah simpati orang lain. Dulu orang bersimpati dengannya kerana lambat jodoh.

“Eh, kau tu dah lebih dari 30 tahun. Bila lagi nak kahwin? Janganlah memilih sangat,” itulah nasihat saudara-mara tiap kali bersua.

Sekarang orang bersimpati kerana dapat suami yang ekstremis, berita yang diwarwarkan di media massa dua negara.

“Mak malu, Nah,” keluh ibu Jannah melalui telefon. “Tak tahu mana nak sorok muka. Kan dari dulu mak cakap, jangan kahwin dengan Shamsul tu.”

“Mak pun yang cakap hari-hari bila kau nak kahwin...” balas Jannah. Nada yang biasanya lembut dikeraskan dugaan hidup.

“Iyalah, kahwin, tapi kenapa cari orang yang tak setaraf? Gaji kau berganda lebih besar. Mak pun tak faham kenapa kau suka dia sangat sampai terburu-buru nak kahwin,” jawab ibunya pula.

Ganggang telefon dihempas.

Perasaan malu juga yang menghalang Jannah dari kembali ke Singapura. Rindu juga dia pada tanah air. Tetapi apabila dibayangkan soalan-soalan saudara-mara yang bertubi-tubi, fikirnya, lebih baik aku tinggal di Kota Baru. Mak mertua pun sakit dan memerlukan teman. Hanya mereka yang sama-sama menyayangi Shamsul yang mengerti rasa kehilangannya. Walaupun tidak setuju dengan tindakan suaminya, dia masih juga rindu. Bukan saja rindu pada suami yang lesap tanpa mengirim pesan, tapi juga rindu pada impian lama. Dulu, walau ada yang menggelarnya andartu, Jannah masih berpegang teguh pada doa memanjatkan harapan membina syurga dunia dan akhirat. Impian untuk melengkapkan Ad-Din dengan pernikahan yang berkekalan bahagia. Apabila Shamsul mengusul mereka bernikah, dia cepat-cepat bersetuju dengan air mata kesyukuran. Tidak sangka dalam usia 35 tahun, lelaki yang tujuh tahun lebih muda mahu mengambil dia sebagai isteri.

Dua tahun kemudian, dia keseorangan di negeri orang, tanpa suami, zuriat atau keluarga.

Kini dia hilang arah dan tawar hati untuk berdoa. *Kenapa aku yang diduga begini? –* detik hati Jannah di dalam kesunyian malam. *Seumur hidup tidak pernah aku inginkan apa-apa selain dari kasih sejati yang mengarah ke syurga. Aku menjaga diri. Aku menjaga solat. Aku memelihara iman. Aku menjaga kehormatan. Aku menyara ibu bapa. Kenapa aku?*

Wang simpanan Jannah berkat berkerja sebelum bernikah hampir habis dibelanja. Tidak lama lagi, dia perlu menggagahkan diri untuk kembali pada tugas lama untuk menyara diri. Tetapi, setelah dicongak dengan teliti, Jannah membuat keputusan and mengelungsur *online* untuk membeli tiket kapal terbang ke Rumah Allah.

Mosul, Iraq

Terasa hari akan jadi malam. Kekalahan di Mosul sudah pasti, yang ditunggu hanya saaatnya. Pejuang kedua-dua pihak bermain kejar-kejar yang mana kekalahan merupakan noktah terakhir. Shamsul meloncat dari satu rumah kosong kepada yang lain, saban hari bersembunyi. Dia sendiri kurang pasti tentang mana keberadaannya. Dulu, masjid An-Nuri yang berdiri tegak selama 800 tahun membantu pengunjung ke Mosul mencari arah orientasi kota. Kini, masjid tapak permulaan pergerakan Daulah bendera hitam juga sudah menjadi mangsa perang.

Shamsul percaya mayat syuhada dan para hafiz tidak dimakan bumi. Tetapi, di tengah musim panas, semasa tentara dari pihak musuh mula masuk menggemparkan kota Mosul, bau mayat yang bergelimpangan tidak dapat dielak. Mayat mereka yang mati muda, teman seperjuangan bulan lalu menjadi tulang diliputi debu padang pasir. Kedua pihak yang bertempur tidak mampu menyumbang tenaga dan masa untuk menggali kubur untuk yang gugur. Tiap-tiap hari, mayat yang bertimbun cepat-cepat dikumpul seberapa banyak yang mampu dan ditimbus tanah dalam kuburan massal. Ada jasad kaku yang buruk diperlakukan askar-askar pemerintah yang hampir menang, akibat dendam perang yang semakin hari semakin menebal.

“Kamu ingatkan akan dapat syurga?” cemuh sang penggali kubur pada mayat musuh yang tidak lagi mampu menjawab. Suaranya boleh terdengar oleh Shamsul dari tempat persembunyian hari itu. Telor bahasa Arab anak kelahiran Iraq nyata dapat dicam Shamsul. “Masuklah dalam neraka, lelaki bangsat! Kau tahu siapa yang akan mendapat tempat di syurga? Kita! Kita, warga yang sabar dalam dugaan, yang tidak datang menganas dan melakukan kerosakan di muka bumi. Kita yang masih hidup untuk membina kembali kota yang kau rampas menjadi syurga di dunia!”

Kamu mahukan syurga, kami inginkan Jannah. Shamsul keletihan berlari, bersembunyi. Dia tahu jikalau bertembung dengan askar pemerintah, pasti dia dibunuh. Tiada siapa yang akan menunjukkan belas bagi orang luar yang masuk menawan kota mereka atas nama Islam. Walaupun sedar bahawa dia dalam bahaya, kebencian yang meluap membawanya ke tempat ini perlahan-lahan terhakis. Yang dianggap musuh, kini dilihat manusia sama sahaja. Dalam bayangan kekalahan, timbul kegoncangan hati dan sesalan. Namun dalam kelaparan, kedahagaan dan kegelapan, tidak dapat dilihat olehnya jalan keluar. Jalan taubat. Jalan ke Jannah.

Sayup-sayup, pintu depan tempat persembunyian Shamsul dikuak. Tapak kasut berdetak – *tak, tak, tak* – dan tangan Shamsul menggenggam erat senapangnya. Dua peluru saja yang tinggal. Dia tidak tahu andainya yang masuk itu teman atau seteru. Dia sudah tidak mampu melawan. Hidup hanya menunda kekalahan sebelum pada akhirnya kita menyerah. Mungkin kali ini tiba gilirannya.

Jemputlah aku ke RumahMu...

Walaupun pasrah, hati Shamsul tetap berdoa untuk mukjizat untuk menebus dosanya dalam saat terakhir sebelum timbul letupan.

Mekah al-Muqarramah

Cabaran besar dalam beribadah ialah istiqamah. Di Mekah, Jannah teringat pesanan Ustazah hampir dua puluh tahun sebelum itu. Katanya, lebih baik kita lakukan amalan yang sedikit setiap hari dari mengumpul tenaga untuk mencari pahala yang banyak dari satu amal yang tidak mampu diulang. Istiqamah itu mencabar kerana amalan perlu diteruskan bukan saja pada saat hati penuh keghairahan tapi juga dalam hari-hari di mana hati sepi dan kontang. Melawan hati yang tawar itulah penawar. Penawar yang menyusup membawa ketenangan sayu dan harapan baru.

Di bawah lindungan Kaabah, Jannah terpandang seraut wajah yang berserban sutra malam. Wajah yang dalam lirik pertama saling tak tumpah seperti Shamsul. Dia menoleh kebelakang tetapi lelaki itu sudah lesap bakkan asap.